

TARIKH	JUMAAT, 3 FEBRUARI 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PENCEMARAN UDARA BURUKKAN LAGI JEREBU DI BANGKOK
M/S	29
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	POLLUTION

Pencemaran udara burukkan lagi jerebu di Bangkok

Bangkok: Jerebu tebal menye-lubungi ibu negara Thailand sejak kelmarin, apabila pencemaran udara di bandar itu kini mencapai tahap tidak sihat.

Menurut Pusat Kualiti Uda-ra Bangkok, sebanyak 70 stesen pemantauan kualiti udara melaporkan tahap pencemaran udara tidak selamat di Bangkok setakat jam 7 pagi semalam, dengan jumlah itu meningkat kepada 80 menjelang tengah hari.

Empat stesen pemantauan kualiti mengesan tahap merah pada skala PM2.5.

PM2.5 merujuk zarah halus habuk dalam udara yang boleh meresap jauh ke dalam paru-paru dan menyebabkan kematian pramatang akibat penyakit pa-ru-paru dan jantung, terutama dalam kalangan warga emas dan mereka yang mengalami kompli-

kasi kesihatan.

Gabenor Bangkok, Chadchart Sittipunt, berkata tahap pence-maran tidak selamat dijangka berterusan sehingga esok.

Beliau berkata, keadaan itu disebabkan udara yang berta-kung, selain pembakaran perta-nian dan kebakaran hutan.

“Orang ramai dinasihat me-makai pelitup muka di luar ru-mah dan mengelak aktiviti luar,” katanya.

Setakat jam 6 petang kelma-rin, bacaan indeks kualiti udara Bangkok direkodkan 166 pada IQAir iaitu rakan teknologi Pro-gram Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Bacaan melebihi 100 dianggap tidak sihat, manakala melepas-i 200 sangat tidak sihat, sementra-nya tahap melebihi 300 dianggap berbahaya.

AGENSI